




**BAB**  
**CHAPTER** **6**

## HAL-EHWAL ALAM SEKITAR ANTARABANGSA KERJASAMA DUA HALA INTERNATIONAL ENVIRONMENTAL AFFAIRS - BILATERAL COOPERATION



### MALAYSIA – INDIA, PAKISTAN DAN BANGLADESH

Pada tahun ini JAS telah menerima kunjungan lawatan dari satu delegasi yang terdiri daripada 20 orang pegawai-pegawai kanan pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan daripada India, Pakistan dan Bangladesh pada 18 Disember 2013. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai perundangan dan kaedah yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia berkaitan dengan pengurusan loji-loji dan sisa-sisa kumbahan.

### MALAYSIA – INDIA, PAKISTAN AND BANGLADESH

On 18 December 2013, a delegation comprising of 20 senior officers from India, Pakistan and Bangladesh, representing various Ministries and Departments, paid a visit to the Department of Environment, Malaysia. The purpose of their visit was to exchange information on legislations and measures, applied by the Malaysian Government, in managing sewerage plants and wastes.

## HAL-EHWAL ALAM SEKITAR ANTARABANGSA KERJASAMA SERANTAU INTERNATIONAL ENVIRONMENTAL AFFAIRS REGIONAL COOPERATION

### BENGGEL KAJIAN DAN GUBALAN PELAN GANTIAN TERHADAP PELAN TINDAKAN ASEAN MENGENAI PENDIDIKAN ALAM SEKITAR (AEEAP) 2008-2012 DAN MESYUARAT KELIMA KUMPULAN KERJA JAWATANKUASA BERSAMA ASEAN MENGENAI PENDIDIKAN ALAM SEKITAR (AWGEE)

Satu bengkel kajian dan gubalan pelan gantian terhadap Pelan Tindakan ASEAN mengenai Pendidikan Alam Sekitar (AEEAP) 2008-2012 telah diadakan pada 8 - 10 April 2013 di Kuala Lumpur. Bengkel ini diadakan untuk mengkaji dan menggubal Pelan Gantian untuk draf AEEAP seterusnya, 2014-2018.

Selepas daripada bengkel tersebut, mesyuarat Kelima Kumpulan Kerja Jawatankuasa ASEAN mengenai Pendidikan Alam Sekitar (AWG EE) telah diadakan di tempat yang sama pada 11 - 12 April 2013 di Kuala Lumpur. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan bersama oleh Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Alam Sekitar (Pembangunan) dan Puan Hajah Zaiaini Haji Noorkhan, Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan, Brunei Darussalam.

### WORKSHOP ON REVIEWING AND FORMULATING A SUCCESSION PLAN ON THE ASEAN ENVIRONMENTAL EDUCATION ACTION PLAN (AEEAP) 2008-2012, AND THE FIFTH MEETING OF THE ASEAN WORKING GROUP ON ENVIRONMENTAL EDUCATION (AWGEE)

From the 8<sup>th</sup> to 10<sup>th</sup> April 2013, a workshop on reviewing and formulating a succession plan on the ASEAN Environmental Education Action Plan (AEEAP) 2008-2012, was held in Kuala Lumpur. Apart from further reviewing and formulating a succession plan, the draft for the next AEEAP, 2014-2018 was also prepared.

Following the completion of the workshop session, the 5<sup>th</sup> ASEAN Working Group on Environmental Education (AWGEE) meeting was held at the same place, from 11<sup>th</sup> to 12<sup>th</sup> April 2013. The meeting was co-chaired by Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib Che Ibrahim, Deputy Director-General of Environment (Development), Malaysia and Mrs. Hajah Zaiaini Haji Noorkhan, Director of Department of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development, Brunei Darussalam.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 22 wakil daripada Malaysia, sembilan (9) delegasi daripada Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Mesyuarat ini akan terus menjadi platform untuk semua Negara ASEAN berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam usaha mempromosikan pendidikan alam sekitar serta mengukuhkan kerjasama di antara negara anggota ASEAN (AMS) dalam menangani isu-isu alam sekitar.

It was also attended by 22 Malaysian representatives, as well as nine (9) other delegates from Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Philippines, Singapore, Thailand and Vietnam.

Apart from strengthening collaboration among ASEAN Member States (AMS) in addressing environmental issues, this meeting will also serve as a platform in sharing knowledge and experiences to promote environmental education.